

Naib Canselor dijemput sebagai Profesor Pelawat di MSU

MSU, Shah Alam, 22 Julai - Naib Canselor UPSI berbesar hati menerima jemputan daripada Management & Science University (MSU) yang terletak di Batu Tiga, Shah Alam untuk berkhidmat dan menyumbang pengalaman dan ilmu sebagai profesor pelawat bagi program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Kesihatan & Fizikal dengan Kepujian). Penglibatan ini memberikan peluang berharga untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman bersama fakulti dan pelajar di School of Education & Social Sciences (SESS).

Sepanjang kunjungan Naib Canselor di MSU, beliau berpeluang untuk menyumbang kepada wacana akademik dalam program ini, memberikan pandangan yang diperoleh dari pengalaman profesional beliau dalam bidang Pendidikan Kesihatan dan Fizikal. Interaksi dengan kedua-dua pihak iaitu fakulti dan pelajar terbukti saling memberi manfaat, memupuk persekitaran pertukaran intelektual dan pembangunan profesional.

Di akhir ucapan, beliau berterima kasih kepada pihak MSU di atas peluang yang diberikan dan berharap usaha serta kerjasama akan memberikan

impak positif terhadap masa depan profesional pendidikan kesihatan dan fizikal.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



Majlis Ikrar Pelajar Baharu Diploma Ambilan Julai 2024/25

Tanjong Malim, 24 Julai - UPSI sekali lagi menjadi saksi kepada tradisi bersejarah dan bermakna bagi para pelajar baharu diplomaambilan Julai 2024/25. Majlis Ikrar Pelajar, satu upacara yang telah menjadi adat turun-temurun, telah dilaksanakan dengan penuh gilang-gemilang. Majlis ini merupakan langkah pertama yang perlu dilalui oleh para pelajar untuk bergelar Anak Kandung Suluh Budiman secara rasmi. Dengan ikrar ini, para pelajar mengikat janji untuk menjadi warga universiti yang bertanggungjawab dan berintegriti. Majlis yang diadakan di Auditorium Utama,

Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ini turut disaksikan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Prof. Dr. Norkhalid Salimin. Kehadiran beliau bukan sahaja memeriahkan majlis, tetapi juga memberikan suntikan semangat kepada para pelajar baharu melalui ucapan inspiratif yang disampaikan. Dalam ucapan tersebut, Prof. Dr. Norkhalid menekankan pentingnya disiplin, dedikasi, dan komitmen dalam mengejar kejayaan akademik serta sahsiah diri.

Pada majlis tersebut, seramai lebih kurang 594 pelajar secara

rasminya menjadi anak kandung Suluh Budiman. Pelajar-pelajar ini berasal dari pelbagai latar belakang dan kursus pengajian, tetapi pada hari itu, mereka disatukan oleh ikrar yang sama. Majlis Ikrar Pelajar kali ini diketuai oleh saudara Izzat Hakimi Abd Malek, seorang pelajar diploma dalam bidang Sains Sukan dan Kejurulatihan. Beliau dengan penuh yakin dan semangat memimpin pelajar-pelajar lain dalam melafazkan ikrar, mencerminkan komitmen mereka untuk berusaha gigih dalam akademik dan beretika dalam segala tindakan.

Kunjungan Universiti Linyi ke UPSI Kukuhkan Jaringan Kerjasama Antarabangsa

Tanjong Malim, 26 Julai - UPSI hari ini menerima kunjungan daripada Universiti Linyi, Shandong China bagi menjalin kerjasama berfokuskan kepada Latihan Industri pelajar. Majlis yang dipengerusikan

oleh Naib Canselor UPSI, Prof Datuk Dr. Md Amin Md Taffi ini membincangkan mengenai 4 kluster iaitu tempoh masa Latihan Mengajar bagi program Bahasa Cina, pembukaan pusat Universiti Linyi di

fakulti UPSI, program dual degree bagi Ijazah Pengurusan dan Komunikasi serta penempatan Latihan Industri untuk pelajar UPSI dan Linyi University secara timbal balik.



UPSI, Universiti Al-Iraqia jalin kerjasama akademik, penyelidikan

Tanjong Malim, 25 Julai - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menandatangani Surat Niat (LoI) bersama Universiti Al-Iraqia hari ini bagi menjalin kerjasama terutama dalam bidang akademik dan penyelidikan.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UPSI, Prof Dr. Suriani Abu Bakar berkata hubungan antara UPSI dengan institusi pendidikan terutama dari Iraq adalah sangat bermakna dalam memacu sektor pendidikan bersama.

"Melalui kepakaran dan kekuatan dari kedua-dua pihak, kita berupaya memulakan projek penyelidikan, meningkatkan kualiti pendidikan dan menyumbang kepada kemajuan pengetahuan dan inovasi di negara kita sendiri.

"UPSI komited untuk memupuk perkongsian global dan melibat diri dengan institusi yang dihormati seperti Al-Iraqia University bagi mewujudkan persekitaran akademik yang dinamik," katanya

menerusi kenyataan hari ini. Sementara itu, Timbalan Naib Presiden Hal Ehwal Saintifik, Universiti Al-Iraqia, Prof Dr. Khamis Awad Zidan berkata mereka teruja untuk menjalin kerjasama bersama UPSI.

"Melalui inisiatif penyelidikan bersama, program pertukaran pelajar dan fakulti atau projek akademik kolaboratif akan mengukuhkan dan menyumbang kepada penambahbaikan institusi kami," katanya.

Sesi Penyerahan Surat Keputusan Kenaikan Pangkat Staf Pentadbiran



Tanjong Malim



Prihatin Kebajikan Siswa: Dapur Kasih Bitara



Shah Alam

CENDERAHATI VIP

ANUGERAH TADIKA ISLAM

WILAYAH SELANGOR

ATIWI 2024

ATIWI 2024

Kolaborasi UPSI-PERTIM Tingkat

Kualiti Pedagogi Pendidikan

Tanjong Malim

iZone

Lawatan dari Universitas

Sriwijaya, Indonesia.



UMK, Bachok

Jom Masuk U 2024,

Zon timur 1



Tanjong Malim

UPSI Rai Atlet Malaysia Sukan

Paralimpik Paris